

NO. SOALAN : 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]

TARIKH : 8 APRIL 2015

SOALAN :

YB Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah yuran yang dibayar kepada Tan Sri Shafee Abdullah untuk mengendalikan kes-kes bagi pihak Peguam Negara sejak 2008 hingga kini dan apakah Kamar Peguam Negara tidak cukup berwibawa untuk mengendalikan sendiri kes-kes ini.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peguam bela Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah telah diambil berkhidmat bagi pihak Kerajaan Malaysia untuk mengendalikan rayuan jenayah Pendakwa Raya lawan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Mahkamah Rayuan Malaysia (Bidang Kuasa Jenayah) No. W-05-19-01/2012 yang berhubung dengan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur pada 9 Januari 2012 dalam Perbicaraan Jenayah Bil: 45-9-2009.

2. Beliau seterusnya telah hadir bagi pihak Kerajaan Malaysia di Mahkamah Persekutuan Malaysia (Bidang Kuasa Jenayah) dalam rayuan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim lawan Pendakwa Raya Bil. MPRJ 05-47-03-2014 dan dalam rayuan silang Pendakwa Raya lawan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim Bil. MPRJ 05-48-03-2014 yang berhubung dengan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan Malaysia (Bidang Kuasa Jenayah) No. W-05-19-01/2012. Sehubungan dengan itu, Peguam Negara telah memberikan kebenaran bertulis untuk Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah hadir dalam kedua-dua rayuan menurut peruntukan seksyen 379 Kanun Tatacara Jenayah.

3. Kehadiran Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah bagi pihak Kerajaan Malaysia dalam kedua-dua rayuan ini tidak boleh membawa pengertian bahawa pegawai dari Jabatan Peguam Negara tidak kompeten atau berwibawa untuk mengendalikan rayuan ini. Sebaliknya, dua Timbalan Pendakwa Raya yang kompeten atau berwibawa berada

di sisi Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah semasa rayuan di kedua-dua Mahkamah untuk membantu beliau dalam penghujahan di mahkamah.

4. Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah juga telah diambil berkhidmat oleh Kerajaan Malaysia bagi mengendalikan rayuan terhadap Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bagi mengelakkan sebarang tohmahan terhadap Jabatan Peguam Negara. Hal ini demikian kerana sejak kes terhadap Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ini dimulakan di Mahkamah, terdapat banyak tohmahan bahawa Jabatan Peguam Negara melaksanakan pendakwaan terpilih dengan mendakwa beliau.

5. Bagi mengelakkan tohmahan ini, jalan yang terbaik ialah dengan melantik pihak yang berkecuali iaitu seorang peguam bela swasta bagi mengendalikan rayuan kes terbabit. Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah merupakan peguam bela yang telah bersetuju untuk mengendalikan kes rayuan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ini, berdasarkan tawaran oleh Jabatan Peguam Negara.

6. Disamping itu juga, Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah telah diambil berkhidmat berdasarkan pengalaman beliau sebagai Timbalan Pendakwa Raya pada suatu ketika dahulu dan kini sebagai peguam bela yang mengendalikan kes-kes jenayah.

7. Jumlah bayaran bagi perkhidmatan Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah dalam mengendalikan kes rayuan Dato' Seri Anwar Ibrahim hanya boleh dibuat atas persetujuan kedua-dua pihak yang terlibat iaitu Jabatan Peguam Negara dan Tan Sri Dr. Muhammad Shafee bin Abdullah sendiri.

8. Sehubungan dengan itu, berdasarkan persetujuan kedua-dua pihak terbabit, jumlah bayaran bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Tan Sri Dr. Muhamrnad Shafee bin Abdullah adalah sebanyak RM1,000 sahaja.

Sekian, terima kasih.